



KASTAM DIRAJA MALAYSIA

PANDUAN CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (CBP)

PELELONG

Kandungan

Bil.		Muka Surat
1.	Pengenalan	4
2.	Perkara Am Berhubung Industri <ul style="list-style-type: none">• Latarbelakang• Terminologi	5
3.	Rantaian pembekalan dalam industri pelelong	6
4.	Liabiliti CBP dalam rantaian pembekalan lelongan <ul style="list-style-type: none">• Pemunyaan barang• Cukai output ke atas barang dilelong• Cukai input ke atas barang dilelong• Cukai output ke atas komisen• Kredit cukai input ke atas perkhidmatan sampingan	7 - 11
5.	Perakaunan	11
6.	Panduan lain yang berkaitan bagi pelelong	12
7.	Soalan Lazim	12 - 18
8.	Maklumbalas dan Komen	18
9.	Bantuan atau Maklumat Lanjut	19

PENGENALAN

1. Panduan industri ini disediakan untuk membantu perniagaan dalam memahami perkara yang berkaitan dengan layanan CBP bagi Pelelong.

Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) Secara Umum

2. Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) adalah cukai berperingkat bagi penggunaan tempatan. CBP dikenakan ke atas semua pembekalan bercukai barang dan perkhidmatan di Malaysia kecuali bagi pembekalan yang dikecualikan secara khusus. CBP juga dikenakan ke atas pengimportan barang dan perkhidmatan ke dalam Malaysia.

3. Pembayaran cukai dibuat secara berperingkat oleh perantara dalam proses pengeluaran dan pengedaran. Walaupun cukai dibayar di sepanjang rantai pengeluaran dan pengedaran, hanya nilai ditambah di setiap peringkat dikenakan cukai dan dengan itu mengelakkan cukai berganda.

4. Di Malaysia, seseorang yang didaftarkan di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 20XX dikenali sebagai “orang berdaftar”. Seorang orang berdaftar dikehendaki mengenakan CBP (cukai output) ke atas pembekalan bercukai barang dan perkhidmatan yang dibuat kepada pelanggannya. Dia dibenarkan untuk menuntut apa-apa CBP yang ditanggung dalam pembeliannya (cukai input) yang merupakan input bagi perniagaannya. Oleh itu, cukai itu sendiri bukanlah kos kepada perantara dan tidak wujud sebagai perbelanjaan dalam penyata kewangan mereka.

PERKARA AM BERHUBUNG INDUSTRI

Latar belakang

5. Di Malaysia, perkhidmatan yang dibekalkan oleh pelelong telah berkembang sejak beberapa tahun ini, terutamanya dalam sektor hartanah dan

kenderaan terpakai. Mereka bukan sahaja membekalkan perkhidmatan lelongan untuk penjual tetapi juga mewujudkan perkhidmatan sampingan yang berkaitan seperti pengiklanan, taksiran, perundingan ke atas harga dan perkhidmatan penyimpanan jangka pendek. Perkhidmatan-perkhidmatan ini merupakan pembekalan bercukai di bawah Akta CBP 20XX dan jika seseorang pelelong telah mencapai nilai ambang yang ditetapkan, dia diwajibkan untuk mendaftar sebagai orang berdaftar CBP.

Terminologi

6. Bagi maksud panduan ini, terma-terma berikut mempunyai maksud yang telah ditetapkan untuknya:-

(a) Lelong

Lelong merujuk kepada tawaran untuk membeli barang atau harta benda oleh pelelong kepada orang ramai untuk membida barang atau harta benda tersebut yang ditetapkan untuk dijual dan orang yang membuat bidaan yang tertinggi akan diberikan hak untuk membeli barang atau harta benda yang berkenaan. Dalam kes-kes tertentu, barang boleh dijual secara tender. Barang yang biasanya dijual dalam lelongan termasuk barang antik, tanah dan hartanah, barang koleksi seperti setem, syiling dan karya seni, dan juga barang terpakai seperti kereta dan mesin.

(b) Pelelong

Terma ini merujuk kepada seseorang yang bertindak sebagai ejen untuk menjual barang atau harta benda dalam satu-satu lelongan. Pelelong boleh terdiri daripada individu, syarikat atau rumah lelong yang ditubuhkan khas bagi tujuan menjalankan lelongan, yang akan menerima komisen atau fi bagi melaksanakan lelongan tersebut. Lazimnya, seorang pelelong boleh mengenakan komisen kepada

kedua-dua pihak pembeli dan penjual. Di Malaysia, pelelong dikawal selia oleh pihak berkuasa negeri yang berkenaan.

RANTAIAN PEMBEKALAN DALAM INDUSTRI LELONGAN

7. Rangkaian pembekalan dalam lelongan pada dasarnya melibatkan empat pihak iaitu:-

(a) Pemunya

Pemunya adalah seseorang yang memiliki barang atau harta benda yang ditentukan untuk lelongan. Dalam panduan ini, pemunya barang yang ditentukan untuk lelongan adalah dirujuk sebagai “pemunya”.

(b) Pelelong

Satu lagi pihak yang penting dalam rangkaian pembekalan lelongan adalah pelelong. Sebagaimana yang diterangkan di atas, pelelong bertindak sebagai ejen untuk melupuskan apa-apa harta benda atau barang melalui lelongan bagi pihak prinsipal. Walau bagaimanapun, hampir semua pelelong bertindak menggunakan nama mereka sendiri dan tidak mendedahkan identiti pemunya. Oleh itu, di bawah peraturan am untuk ejen, pelelong adalah dianggap sebagai prinsipal yang membuat pembekalan. Bagaimanapun, Akta CBP 20XX menganggap pembekalan yang dibuat seorang pelelong yang bertindak atas namanya sendiri sebagai pembekalan yang dibuat oleh prinsipal yang merupakan orang kena cukai. Namun begitu, pelelong sama ada dia merupakan orang kena cukai ataupun tidak, adalah bertanggungjawab ke atas cukai yang kena dibayar bagi suatu pembekalan sekiranya barang tersebut diperolehi daripada seorang orang kena cukai.

(c) Pembiaya

Pembiaya ialah individu atau institusi yang menyediakan pinjaman atau kemudahan kredit untuk membiayai pembelian barang atau harta benda. Berikutan kegagalan dalam pembayaran oleh pembeli atau peminjam, barang atau harta benda tersebut akan diambil-balik oleh pembiaya yang akan melupuskan barang atau harta benda tersebut untuk mendapatkan kembali pinjaman yang berkenaan. Pembiaya hanya akan wujud bila barang yang dilelong adalah dibiayai dan diambil balik oleh pembiaya. Dalam panduan ini, individu atau institusi yang menyediakan pembiayaan dan kemudian mengambil balik harta benda atau barang untuk mendapatkan kembali sesuatu pinjaman adalah dirujuk sebagai “pembiaya”.

(d) Pembida

Seseorang yang telah berjaya membida untuk sesuatu barang atau harta benda dalam sesuatu lelongan akan dirujuk sebagai “pembida” dalam panduan ini.

LIABILITI CBP DALAM RANTAIAN PEMBEKALAN LELENGAN

Pemunyaan Barang

8. Pemunyaan barang yang dijual di bawah suatu lelongan tidak pernah diberikan kepada pelelong. Ini kerana pelelong hanya bertindak sebagai ejen bagi pemunya atau pembiaya. Walau pun barang yang akan dilelong adalah bagi pihak pemunya atau pembiaya, pelelong bertanggungjawab untuk mengakaunkan cukai jika barang yang dilelong adalah kepunyaan orang kena cukai.

Cukai output ke atas barang yang dilelong

9. Status CBP pemunya akan menentukan sama ada barang yang dilelong sepatutnya dikenakan cukai output. Sekiranya pemunya adalah orang kena cukai, apa-apa barang yang dilelong bagi pihaknya adalah tertakluk kepada cukai output.

10. Sekiranya pemunya adalah orang tidak kena cukai, maka tiada cukai output dikenakan ke atas barang yang dilelong.

11. Sekiranya pelelong adalah orang tidak kena cukai, tetapi pemunya adalah orang kena cukai, cukai output masih dikenakan. Walau bagaimanapun, komisen yang dikenakan oleh pelelong tidak tertakluk kepada cukai.

Cukai Input ke atas barang yang dilelong

12. Pelelong tidak boleh menuntut kredit cukai input ke atas barang yang dilelong kerana kredit cukai input ini mungkin telah dituntut oleh pemunya semasa beliau memperoleh barang tersebut.

Cukai Output ke atas Komisen

13. Perkhidmatan yang disediakan oleh pelelong kepada pemunya atau pembiaya adalah pembekalan bercukai. Oleh itu, komisen yang diperoleh oleh pelelong adalah tertakluk kepada cukai output jika pelelong telah mencapai nilai ambang yang ditetapkan. Pelelong dalam kes ini mestilah mendaftar dirinya sebagai orang berdaftar CBP.

Kredit Cukai Input ke atas Perkhidmatan Sampingan

14. Pelelong yang merupakan orang berdaftar CBP dibenarkan untuk menuntut kredit cukai ke atas apa-apa CBP yang ditanggung olehnya yang merupakan sampingan kepada perniagaannya sebagai pelelong.

15. Layanan CBP ke atas barang bercukai yang hendak dilelong dan komisen yang diterima oleh pelelong boleh diringkaskan seperti di bawah:-

Jadual 1: Layanan CBP dan Pembayaran bagi Barang Bercukai yang Dilelong bagi Pihak

SENARIO	STATUS PEMUNYA	CUKAI OUTPUT	PELELONG	BORANG BAYARAN
1	ORANG KENA CUKAI	KENA DIBAYAR	ORANG BERDAFTAR	PENYATA CBP
2	ORANG KENA CUKAI	KENA DIBAYAR	ORANG TIDAK BERDAFTAR	BORANG YANG DITETAPKAN
3	ORANG TIDAK KENA CUKAI	TIDAK KENA DIBAYAR	ORANG BERDAFTAR	-
4	ORANG TIDAK KENA CUKAI	TIDAK KENA DIBAYAR	ORANG TIDAK BERDAFTAR	-

Senario 1:

Apabila pemunya adalah orang kena cukai, cukai output dikenakan ke atas barang yang dilelong. Jika pelelong adalah seorang orang berdaftar, dia akan mengakaunkan cukai output ke atas barang yang dilelong dalam penyata CBPnya.

Senario 2:

Apabila pemunya adalah orang kena cukai, cukai output dikenakan ke atas barang tersebut. Jika pelelong bukan orang berdaftar, dia akan mengakaunkan cukai output ke atas barang yang dilelong dalam borang yang ditetapkan.

Senario 3:

Apabila pemunya adalah orang tidak kena cukai, tiada cukai output dikenakan. Pelelong tidak perlu mengakaunkan cukai output ke atas barang yang dilelong walaupun dia adalah seorang orang berdaftar.

Senario 4:

Apabila kedua-dua pemunya dan pelelong adalah orang tidak kena cukai, tiada cukai output dikenakan ke atas barang yang dilelong.

(Nota: Tiada CBP dikenakan ke atas apa-apa barang yang ditetapkan sebagai pembekalan barang yang dikecualikan atau di mana barang yang cukai inputnya disekat (tidak boleh dituntut) apabila barang tersebut dilelong.)

Jadual 2: Layanan CBP ke atas Perkhidmatan yang disediakan oleh Pelelong

SENARIO	STATUS PELELONG	CUKAI INPUT	CUKAI OUTPUT
1	ORANG BERDAFTAR	BOLEH DITUNTUT	KENA DIBAYAR
2	ORANG TIDAK BERDAFTAR	TIDAK BOLEH DITUNTUT	TIDAK KENA DIBAYAR

Senario 5:

Apabila pelelong seorang orang berdaftar, dia boleh menuntut kredit cukai input ke atas CBP yang ditanggung bagi perbelanjaan sampingan. Dia juga hendaklah mengakaunkan cukai output bagi semua perkhidmatan yang disediakan olehnya, sebagai contoh kepada pemunya, pembeli dan pembiaya.

Senario 6:

Apabila pelelong adalah orang tidak kena cukai, dia tidak boleh menuntut cukai input bagi perbelanjaan yang ditanggung olehnya dalam perniagaannya. Dia juga tidak perlu mengakaun cukai output bagi perkhidmatan yang disediakan olehnya kepada pemunya atau pembiaya.

PERAKAUNAN

16. Seorang pelelong yang berdaftar di bawah CBP mestilah menyelenggara dan menyimpan rekod dan perakaunan bagi semua barang yang diterimanya dan dilelong bagi pihak prinsipalnya untuk tempoh sekurang-kurangnya 7 tahun, Semua rekod perakaunan mestilah disokong dengan dokumen asal yang berkaitan dan mestilah disimpan selaras dengan Amalan Perakaunan Standard yang diamalkan di Malaysia dan menyediakan suatu jejak audit yang baik. Sistem perakaunan yang baik yang pelelong perlu sediakan termasuklah;

- (a) kuantiti dan deskripsi bagi setiap barang atau harta benda yang dilelongnya bagi pihak setiap individu prinsipal;
- (b) harga lelongan bagi setiap barang atau harta benda yang dilelongnya;
- (c) fi kemasukan atau komisen yang diterimanya bagi setiap barang atau harta benda yang dilelongnya;
- (d) caj bagi perkhidmatan sampingan yang disediakan kepada setiap individu prinsipal.
- (e) butiran bagi cukai output yang dikenakan dan cukai input yang dituntut.

PANDUAN LAIN YANG BERKAITAN BAGI PELELONG

17. Sebagai pelelong panduan-panduan di bawah ini mungkin bermanfaat bagi anda:
- (a) Pendaftaran CBP;
 - (b) Ejen; dan
 - (c) Pemilikan semula.

SOALAN LAZIM

S1: Saya seorang pelelong dan juga orang berdaftar CBP. Apakah perbelanjaan sampingan yang saya boleh tuntutan kredit cukai input?

J1: Semua perolehan perniagaan yang dibuat dan merupakan sampingan kepada perkhidmatan yang anda sediakan sebagai pelelong, seperti utiliti, fi perkhidmatan professional, sewa dan perbelanjaan *overhead* yang lain adalah layak untuk dituntut cukai input.

S2: Bolehkah CBP yang telah dibayar bagi harta modal seperti bangunan dan peralatan pejabat dikira sebagai kredit cukai input?

J2: Jika anda adalah orang berdaftar CBP, CBP yang telah dibayar bagi harta modal adalah dibolehkan dituntut sebagai kredit cukai input.

S3: Saya seorang pelelong yang bertindak sebagai ejen menggunakan nama saya sendiri. Perlukah saya membayar CBP bagi barang yang dihantar oleh prinsipal saya untuk dilelong?

J3: Barang yang dibekalkan kepada anda untuk dilelong adalah tidak diambilkira bagi maksud CBP, ini bermakna anda tidak perlu membayar apa-apa CBP bagi pembekalan tersebut. Walau bagaimanapun, apabila

barang tersebut dilelong dan jika pemunya barang (penjual) adalah orang kena cukai, maka cukai output hendaklah diakaunkan oleh anda.

S4: Siapakah yang sepatutnya mengakaunkan cukai output bagi barang yang dijual dalam lelongan jika pemunya barang adalah orang kena cukai?

J4: Di bawah seksyen 66(4) Akta CBP 20XX, pelelong bertanggungjawab untuk mengakaunkan CBP bagi pembekalan barang yang dilelong yang dibuat bagi pihak prinsipal yang merupakan orang kena cukai tidak kira sama ada pelelong itu adalah orang kena cukai atau sebaliknya.

S5: Saya adalah seorang pelelong yang merupakan orang tidak berdaftar CBP. Jika saya melelong barang kepunyaan orang kena cukai, bolehkah saya mengeluarkan invois cukai?

J5: Tidak, anda tidak boleh mengeluarkan invois cukai walaupun anda melelong barang kepunyaan orang kena cukai jika anda bertindak menggunakan nama anda sendiri. Walau bagaimanapun, anda perlu mengeluarkan satu dokumen yang mengandungi butiran cukai dikenakan dan dokumen ini akan dikira sebagai invois cukai yang disediakan oleh orang kena cukai itu.

S6: Sebagai pelelong, adakah saya perlu mengetahui status CBP pemunya barang sebelum saya melelong barang bagi pihaknya?

J6: Ya, anda perlu berbuat demikian. Sebelum anda bersetuju untuk melelong barang untuk sesiapa, pertamanya anda mestilah mengetahui status CBP nya. Anda boleh menyemak status CBP nya dari laman web CBP kami. Menentukan status CBP pemunya barang adalah perlu kerana anda bertanggungjawab untuk mengakaunkan cukai output bagi apa-apa barang yang anda lelong bagi pihak pemunya jika dia adalah orang kena cukai.

S7: Adakah harga lelongan barang termasuk CBP?

J7: Harga lelongan bagi barang kepunyaan orang kena cukai mestilah dikira sebagai termasuk CBP. Jika barang yang hendak dilelong adalah barang bercukai, anda sebagai pelelong mestilah memaklumkan kepada pembida-pembida sebelum lelongan bahawa barang tersebut tertakluk kepada bayaran CBP. Ini untuk membezakan bahawa barang yang dijual itu bukanlah barang anda tetapi anda bertanggungjawab untuk mengakaun cukai bagi pembekalan tersebut.

S8: Dalam sesuatu lelongan, bilakah masa pembekalan untuk barang yang dilelong?

J8: Masa pembekalan adalah masa apabila pelelong mengeluarkan dokumen atau apabila barang diserahkan kepada pembida yang berjaya atau apabila bayaran diterima, yang mana lebih awal.

S9: Dalam kes-kes tertentu, pembida bagi sesuatu lelongan dikehendaki mengemukakan sejumlah wang sebagai deposit kepada pelelong. Adakah deposit tersebut tertakluk kepada CBP?

J9: Deposit yang dibayar sebagai syarat kepada sesuatu lelongan tidak tertakluk kepada CBP sehingga deposit tersebut menjadi sebahagian daripada pembayaran yang dibuat oleh pembida yang berjaya kepada pelelong.

S10: Apakah layanan CBP bagi deposit yang dilucuthakkan apabila pembida yang berjaya gagal untuk membayar baki bayaran sebelum tarikh yang ditetapkan?

J10: Deposit sebegini dianggap sebagai bayaran bagi pembekalan bercukai jika bayaran tersebut adalah untuk bayaran bagi barang yang dilelong.

Cukai output adalah dikenakan ke atas deposit yang dilucuthakkan. Apa-apa komisen yang diperoleh hasil daripada sebahagian bayaran oleh pelelong juga merupakan pembekalan bercukai.

S11: Apakah layanan CBP bagi fi kemasukan (sejumlah wang dibayar oleh pemunya kepada pelelong untuk melelong barangnya) jika lelongan itu tidak berjaya?

J11: Jika barang untuk dilelong tidak terjual dan fi kemasukan dilucuthak, pelelong hendaklah mengakaunkan cukai output ke atas lucuthak tersebut kerana ianya adalah bayaran kepada perkhidmatan yang disediakan oleh pelelong.

Q12: Saya seorang pelelong dan jika saya membeli barang terus daripada pemunya, adakah pembelian tersebut tertakluk kepada CBP?

J12: Walaupun anda seorang pelelong, apa-apa pembelian barang yang anda buat daripada pemunya adalah dikira sebagai pembekalan bercukai biasa dan cukai output dikenakan oleh penjual yang merupakan orang kena cukai (orang berdaftar CBP).

S13: Saya seorang pelelong dan jika saya membeli barang dari orang tidak kena cukai, adakah saya perlu mengenakan CBP apabila saya melelong barang tersebut?

J13: Dalam situasi ini, anda tidak bertindak sebagai pelelong, tetapi sebagai orang kena cukai biasa. Oleh itu, jika anda seorang orang berdaftar, anda hendaklah mengakaunkan cukai output apabila barang tersebut terjual dalam suatu lelongan.

S14: Jika jabatan kerajaan menjalankan lelongan kenderaan miliknya, adakah ia tertakluk kepada CBP?

J14: Akta CBP adalah tidak terpakai berhubung dengan pembekalan yang dibuat oleh jabatan kerajaan kerana ia dikira sebagai pembekalan di luar skop CBP.

S15: Adakah kenderaan milik kerajaan tetapi dilelong oleh pelelong profesional masih dikira sebagai pembekalan di luar skop?

J15: Ya, kerana kerajaan adalah pihak yang membuat pembekalan kenderaan tersebut.

S16: Sebagai lanjutan bagi soalan di S15 di atas, adakah komisen yang dikenakan kepada kerajaan, yang merupakan pembekalan di luar skop, tertakluk kepada CBP?

J16: Komisen yang dikenakan oleh pelelong kepada kerajaan untuk melelong kenderaan atau apa-apa barang lain masih tertakluk kepada cukai output kerana komisen dikenakan oleh pelelong untuk perkhidmatan yang disediakannya.

S17: Saya dilantik oleh bukan pemastautin yang tidak bertanggung terhadap CBP untuk melelong barangnya di Malaysia. Apakah implikasi CBP ke atas barang yang diimport dan jualan selanjutnya melalui lelongan?

J17: Jika anda mengimport dan membekalkan barang untuk seseorang yang bukan pemastautin, anda dianggap sebagai prinsipal yang mengimport barang tersebut. Anda hendaklah membayar CBP bagi barang yang diimport bagi pihak prinsipal anda. Jika anda orang berdaftar, anda boleh menuntut kredit cukai input bagi CBP yang telah dibayar semasa pengimportan, dan anda mesti mengakaunkan cukai output ke atas barang tersebut yang kemudiannya dilelong oleh anda. **Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Panduan CBP untuk Ejen.**

S18: Saya seorang pelelong dan mempunyai gudang berlesen di bawah Seksyen 65 Akta Kastam 1967. Apakah implikasi CBP ke atas barang yang saya bawa masuk dari luar negara dan menyimpannya dalam gudang berlesen sementara menunggu untuk dilelong?

A18: Pembayaran CBP ke atas barang tersebut adalah digantung apabila barang itu disimpan dalam gudang berlesen anda. CBP hanya genap masanya dan kena dibayar apabila barang berkenaan dibawa keluar dari gudang berlesen tersebut oleh pembida yang berjaya atau mana-mana orang lain.

S19: Lanjutan daripada soalan S18 di atas, bagaimana pembida yang berjaya mengakaunkan CBP dan apakah nilai yang patut dia ikrar?

J19: Pembida yang berjaya hendaklah membayar CBP dan apa-apa cukai lain menggunakan borang Kastam no.1. Harga yang dibida dan dibayar untuk barang tersebut dalam lelongan adalah dikira sebagai pembekalan terakhir yang mana tertakluk kepada apa-apa duti dan CBP **(Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada *Panduan CBP bagi Skim Penggudangan*).**

S20: Saya telah dilantik oleh bukan pemastautin dari luar negara untuk melelong barangnya di Malaysia, tetapi pada masa ini barang tersebut berada di luar Malaysia. Apakah implikasi CBP ke atas barang tersebut jika saya berjaya melelongnya?

J20: Barang yang berada di luar negara tidak tertakluk kepada cukai output walaupun ia dilelong di sini (dalam Malaysia). CBP ke atas barang yang dilelong hanyalah dikenakan pada masa pengimportan apabila pembida yang berjaya membawa barang itu balik ke Malaysia.

S21: Mestikah saya mengakaunkan cukai output ke atas komisen yang dikenakan kepada pelanggan luar negara saya jika lelongan dijalankan bagi pihaknya di Malaysia, tetapi barang yang dilelong masih berada di luar negara?

J21: Perkhidmatan yang disediakan untuk bukan pemastautin berkaitan dengan tanah dan barang yang terletak di luar Malaysia adalah dikira sebagai perkhidmatan antarabangsa. Anda boleh mengenakan kadar sifar bagi komisen kepada bukan pemastautin tersebut.

S22: Apakah pembekalan yang mesti dimasukkan oleh pelelong apabila menentukan nilai ambangnya?

J22: Lazimnya bagi seorang pelelong, komisen yang diterima olehnya, menjadi asas pulangan bagi pengiraan nilai ambang. Walaupun begitu, jika pelelong juga membuat pembekalan bercukai selain daripada yang berkaitan dengan atau sampingan kepada profesionnya sebagai pelelong, pulangan lain tersebut juga perlu diambilkira dalam pengiraan nilai ambangnya bagi tujuan CBP.

MAKLUMBALAS DAN KOMEN

18. Apa-apa maklumbalas dan komen amatlah dihargai. Sila email maklumbalas atau komen anda kepada Mohd Hisham B. Mohd Nor (m_hisham.nor@customs.gov.my) atau Aminul Izmeer B. Mohd Sohaimi (izmeer.msohaimi@customs.gov.my).

BANTUAN ATAU MAKLUMAT LANJUT

19. Maklumat lanjut boleh didapati dari:

- (a) Laman web GST : www.gst.customs.gov.my
- (b) Hotline GST : 03-88822111
- (c) Pusat Panggilan Kastam :

- Tel : 03- 7806 7200/ 1-300-888-500
- Faks : 03- 7806 7599
- E-mel : ccc@customs.gov.my